



14 FEB, 2026

Ada cara elak ‘panas kocek’ bayar bil ketika musim kemarau



Berita Harian, Malaysia

Ada cara elak ‘panas kocek’ bayar bil ketika musim kemarau

● Dalam usaha memanfaatkan TOU, pengguna perlu memastikan mereka ada disiplin. Jika tidak dapat mengubah rutin penggunaan tenaga, manfaat TOU mungkin terhad

● TOU tidaklah ideal untuk semua. Isi rumah dengan penggunaan tenaga rendah mungkin tidak dapat melihat penjimatan besar



Pengarang Berita
Kanan BH

Oleh Abdul Halim Yusoff
bhrencana@bh.com.my

Rasa macam baru lagi kami melaporkan mengenai banjir - daripada bilangan individu dan keluarga serta berapa banyak pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka.

Daripada musim hujan, kita kini mula memasuki keadaan cuaca lebih kering dan panas walaupun Jabatan Meteorologi (MetMalaysia) mengunjurkan Monsun Timur Laut (MTL) dijangka berterusan hingga Mac 2026.

Beberapa kawasan di Utara Semenanjung terutama di Yan, Kedah; Kangar, Perlis; Jeli, Kelantan dan bahagian utara Perak seperti Tasik Merah serta Tasik Temengor sudah alami kemarau.

Air tasik susut teruk, manakala kawasan pertanian seperti sawah banyak yang sudah kering merekah. Musim panas sekarang dijangka berterusan dari Mac dan April apabila berlaku Equinox dan mencapai kemuncaknya Julai-Ogos.

Bagi isi rumah, sekarang pun ramai yang sudah merasai bahawa malam kita kini semakin panas dan pendingin hawa dan kipas perlu dibuka lebih lama.

Daripada keadaan inilah biasanya kita akan dengar keresahan mengenai bil elektrik tinggi. Ramai juga akan marah syarikat utiliti apabila bil tinggi, walaupun sebenarnya bil tinggi kerana peningkatan penggunaan, tiada kena mengena dengan peningkatan tarif.

Tarif masih sama, malah apa diumumkan separuh kedua tahun lalu menyebabkan majoriti isu rumah alami penurunan bil.

Bagaimanapun, jika penggunaan meningkat bil elektrik tetap akan naik. Namun, dengan kaedah

yang betul, peningkatannya dapat dikawal.

Langkah jimatkan elektrik

Sehubungan itu, mungkin boleh ikuti langkah berikut untuk jimatkan penggunaan elektrik pada musim panas. Antara yang dicadangkan Suruhanjaya Tenaga ialah:

- Gunakan pendingin hawa secara berhemah. Ini kerana pendingin hawa antara penyumbang utama bil elektrik. Tetapkan suhu antara 24 hingga 26 darjah Celsius.
- Utamakan kipas dan pengudaraan semula jadi.
- Tutup langsir dan pasang penekat haba. Cahaya matahari langsung meningkatkan suhu dalaman ru-

mah. Gunakan langsir tebal, bidai atau penapis haba pada tingkap.

● Kurangkan penggunaan peralatan elektrik waktu puncak. Elak guna mesin basuh, pengering, seterika atau ketuhar pada waktu siang.

● Guna lampu dan peralatan cekap tenaga serta tutup dan cabut plug peralatan tidak digunakan

● Servis peralatan secara berkala serta mereka yang tinggal di rumah bango atau teres boleh pertimbangkan penggunaan solar.

Selain itu, ada satu kaedah lagi untuk penjimatan menerusi Skim Time-of-Use (TOU). Skim ini membolehkan pengguna menjimatkan bil elektrik dengan mengalihkan penggunaan tenaga ke waktu luar puncak yang mana kadar tarif lebih rendah.

Luar waktu puncak adalah dari jam 10 malam hingga 2 petang hari seterusnya pada Isnin hingga Jumaat dan sepanjang hari pada Sabtu, Ahad dan 15 cuti umum. Dengan strategi penggunaan bijak, pengguna boleh mengurangkan kos bil bulanan secara signifikan.

Dalam usaha memanfaatkan TOU, pengguna perlu memastikan mereka ada disiplin. Jika tidak dapat mengubah rutin penggunaan tenaga, manfaat TOU mungkin terhad. Keberkesanan skim itu turut boleh dibantu peralatan automasi yang mana peranti masa atau plug pintar boleh membantu menjadualkan penggunaan peralatan.

Bagaimanapun, TOU tidaklah ideal untuk semua. Isi rumah dengan penggunaan tenaga rendah mungkin tidak dapat melihat penjimatan besar.

Jadi bagi isi rumah yang bil elektrik masih berada dalam jajaran munasabah, teruskan kaedah penggunaan elektrik secara berhemah seperti biasa. Dengan ini kita akan dapat melalui tempoh fasa musim panas dan kering ini yang dijangka hingga Ogos depan dengan lebih selesa.

“TOU bantu penjimatan dengan mengalihkan penggunaan tenaga ke luar puncak. Contohnya, gunakan mesin basuh, pengering atau seterika selepas jam puncak. Bagi isi rumah misalnya, gunakan mesin basuh selepas jam 10 malam lebih menjimatkan”

